

MANFAAT KEMATIAN DAN KEILATAN AKIBAT KEMALANGAN ACCIDENTAL DEATH & DISABILITY BENEFITS

Melaui rider ini, peserta bukan sahaja dibayar manfaat perlindungan dari pelan asas, malahan akan mendapat manfaat tambahan berdasarkan jumlah manfaat yang dipilih melalui MKKAK ini. Peserta boleh memilih jumlah manfaat minimum sebanyak RM10,000 (sehingga nilai maksimum 5 kali ganda daripada jumlah manfaat pelan asas).

Definisi Kecederaan.

Bermaksud kecederaan tubuh disebabkan secara langsung oleh kemalangan.

Definisi keilatan kekal dan menyeluruh

- a. Tidak berupaya memperolehi sebarang upah atau gaji melaui pekerjaan, tugas atau kemahiran, dengan
 - b. Syarat keilatan itu berlanjutan tidak kurang dari tempoh 6 bulan secara berterusan, ataupun,
 - hilang keseluruhan penghilatan pada kedua belah mata; atau
 - hilang /putus kedua belah tangan pada / atas pergelangan tangan; atau
 - hilang/putus kedua belah kaki pada /atas buku lali; atau hilang/putus satu tangan pada/ atas pergelangan tangan dan hilang/putus satu kaki pada/atas buku lali; atau
 - kehilangan penglihatan untuk sebelah mata yang tidak dapat dipulihkan dan hilang/putus keseluruhan lengan/kaki pada/atas pergelangan tangan atau buku lali
- * untuk juvana hanya b sahaja terpakai

Skop Perlindungan: Perlindungan keilatan kekal dan menyeluruh atau Kematian Akibat Kemalangan sahaja

Tempoh Penyertaan: Secara tahunan dengan opsyen pembaharuan atas persetujuan kedua-dua pihak dan tidak boleh melebihi tempoh pelan asas atau had tempoh rider ini (mana yang terdahulu)

Tempoh dan Lt Sumbangan: Kekerapan bayaran dan tempoh adalah mengikut pelan asas atau hingga peserta berumur 65 tahun (mana yang terdahulu).

Penamatan Kontrak: Kontrak ini akan ditamatkan secara aotomati sekiranya;
1. Sebarang sumbangan untuk kontrak tambahan dan/atau kontrak asas tidak dijelaskan pada penghujung tempoh tenggang; atau
2. Kontrak Asas itu matang, diserahkan atau tamat atau;
3. Apabila peserta mencapai umur 65 tahun; atau;

4. Selepas pembayaran baki 60% daripada jumlah perlindungan, MKKAK disebabkan keilatan kekal dan menyeluruh atau;
5. Apabila pembayaran manfaat kematian atau keilatan kekal & menyeluruh dilunaskan.

Had umur penyertaan:	Minimum 6 bulan Maksimum 60 tahun (tarikh lahir akan datang)
Had Manfaat Perlindungan:	Minimum RM10,000 atau tidak boleh ,melebihi 5 kali ganda dari manfaat asas atau RM500,000 yang terdahulu.
Pengendalian Sumbangan:	100% ditaburukkan kedalam Akaun Khas Peserta.
Kelayakan Tuntutan:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meninggal dunia akibat kemalangan – dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh kemalangan 2. Keilatan kekal dan menyeluruh- dalam tempoh 180 hari dari tarikh bermulanya keilatan itu.
Notis Tuntutan:	<p>Sekiranya Peserta meninggal dunia akibat kemalangan, borang-borang berkaitan serta bukti-bukti yang bersangkutan hendaklah dikemukakan kepada ETIQASB dalam tempoh 90 hari dari tarikh kematian.</p> <p>Sekiranya berlaku keilatan kekal dan menyeluruh akibat kemalangan, borang-borang berkaitan serta bukti perubatan yang berkaitan dengan keilatan hendaklah dikemukakan kepada ETIQASB dalam tempoh 180 hari dari tarikh berlakunya keilatan tersebut.</p>
Mudharabah:	Sebarang lebihan di penghujung tempoh Pelan Takaful Asas dari Akaun Khas Peserta akan dikongsi antara Syarikat dan peserta pada kadar 50%: 50% dengan syarat tiada tuntutan dibuat atas kontrak rider ini.
Risiko yang dikecualikan:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pencerobohan dan tindakan negara asing, peersengkataan (sama ada perang yang diistiharkan atau tidak) perang saudara, pemberontakan, kebangkitan revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa, rusuhan, kegemparan umum, serangan oleh perompak atau pengganas. 2. Apabila Peserta membunuh diri atau cuba untuk membunuh diri (sama ada secara sebab jenayah atau tidak) atau mencederakan diri sendiri (sama ada waras atau tidak) atau dalam pengaruh alkohol atau dadah, sama ada secara tidak sedar atau berniat atau menyedut atau menggunakan racun, gas atau wap beracun.

3. Semasa orang yang dilindungi terlibat dalam perkhidmatan penerbangan, pengendalian sebarang peralatan pengangkutan udara bagi tujuan perdagangan, profesion atau hobi atau sebagai krew penerbangan atau semasa terlibat dalam aktiviti payung terjun atau luncur udara atau sebarang aktiviti udara selain daripada menjadi anggota tentera atau polis udara KECUALI sebagai juruterbang atau krew atau penumpang dalam penerbangan tentera atau polis yang sah dan rasmi atau sebagai juruterbang atau ahli krew atau penumpang berbayar dalam penerbangan komersial yang berjadual serta melalui laluan tetap;
4. Jika hilang upaya, kecederaan atau penyakit itu wujud pada tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh ia dihidupkan semula, yang mana berlaku kemudian;
5. Terlibat dalam aktiviti haram atau jenayah, penyertaan dalam sebarang pergaduhan atau sengaja mencari punca;
6. Aktiviti meluncur air atau sebarang aktiviti penyelaman yang memerlukan alat bantuan penafasan; atau sebarang perlumbaan berkuda atau beroda;
7. Terdedah kepada bahaya nuklear, peralatan nuklear atau pencemaran radio aktif.
8. Menghidap sindrom kurang daya tahan penyakit (aids, atau sebarang penyakit berkaitan aids, penyakit kelamin yang berjangkit, kehamilan, melahirkan anak, pengguguran anak, keguguran atau dari akibat darinya;
9. Semasa bertugas terlibat sebagai anggota tentera darat, laut atau polis.
10. Menghidap hernia, ptomaines, atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenic yang terjadi melalui dan akibat kemalangan atau luka;
11. Sebarang aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang syariah.

Pengecualian Sumbangan: Atas sebab Keilatan Kekal Menyeluruh sahaja.

Lien juvana:

Sekiranya berlaku kematian sebelum orang dilindungi mencapai umur lima tahun pada tarikh lahir akan datang dan tertakluk kepada terma dan syarat, sijil, manfaat Takaful untuk kontrak tambahan ini adalah seperti berikut.

Umur kematian (Tarikh Lahir akan datang)	% Faedah Berbayar
1 tahun	20%
2 tahun	40%
3 tahun	60%
4 tahun	80%
5 tahun dan keatas	100%